

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ
[PASIR MAS – PAS]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN (NO. 32)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang membentuk suatu institusi sains sukan khusus bagi pembangunan sukan bola sepak.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sudah mempunyai Institut Sukan Negara sebagai sebuah institut yang berperanan dalam penyediaan perkhidmatan sokongan, nasihat, perundingan dan rujukan yang berkaitan dalam bidang sains sukan, perubatan dan teknologi sukan yang bukan sahaja tertumpu kepada sukan bola sepak malah kepada semua jenis sukan yang terdapat dalam negara termasuk atlet-atlet dalam fasa pembangunan sehingga peringkat elit prestasi tinggi. Pihak Institut Sukan Negara juga bekerjasama dengan Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari, Gambang, Pahang dan program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN).

Sekian, terima kasih.

65

SOALAN (33)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

SOALAN :-

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan pengagihan rumah kos sederhana dan rendah di bawah KMK dari tahun 2008 sehingga 2014 mengikut daerah di negeri Johor. Senaraikan jumlah permohonan rumah yang diperoleh dari laman web PR1MA sejak tahun 2014 di negeri Johor.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan Kuota Menegak Kerajaan (KMK) ini adalah merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor bagi meningkatkan penyediaan perumahan kos rendah dan sederhana rendah dan seterusnya meningkatkan pemilikan rumah oleh rakyat di Negeri Johor. Pelaksanaan dan juga syarat-syarat program ini adalah diuruskan dan ditentukan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada Perbadanan PR1MA, Jabatan Perdana Menteri, setakat ini sebanyak 236,988 pemohon telah mendaftar dan menunjukkan minat untuk mendapatkan rumah PR1MA di Negeri Johor.